

20/01/1999

PM perjelas kenaikan kadar tol

Faizal Fadzil; Noordin Zakaria

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan kerajaan terpaksa menaikkan kadar tol untuk mengelak daripada membayar pampasan 100 peratus kepada pemegang konsesi lebuhraya seperti disyaratkan dalam perjanjian.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, kenaikan tol itu tidak akan membebankan pengguna lebuhraya.

Ini kata beliau kerana kerajaan akan menanggung 60 peratus daripada kadar kenaikan tol yang dijadual berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina bulan depan, berbanding 40 peratus yang ditanggung pengguna.

Menurut beliau, kerajaan harus menanggung kos yang agak tinggi itu kerana menyedari rakyat akan menghadapi masalah berikutan kenaikan itu.

Sebelum ini, pelbagai pihak termasuk Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Majlis Belia Malaysia, anggota-anggota Parlimen dan parti-parti politik membantah keras kenaikan kadar tol.

Dr Mahathir berkata, apabila kerajaan menswastakan pembinaan jalan raya, persetujuan telah dimeterai mengenai kenaikan bayaran tol bagi menampung kos pelaburan pembangunan jalan raya.

Bagaimanapun, katanya, kenaikan bayaran tol yang ditanggung pengguna lebih sedikit, berbanding kos yang ditampung kerajaan.

"Sebenarnya, kerajaan menanggung 60 peratus daripada bayaran tol yang sepatutnya dikenakan.

"Kalau kita kena mengikut perjanjian, dia akan lebih tinggi lagi. Tetapi kerajaan memandang bahawa rakyat menghadapi masalah kita, tanggung 60 peratus daripada kenaikan bayaran tol. Pengguna hanya membayar 40 peratus saja.

"Kalau kita tak naikkan bayaran tol, maka kerajaan akan bayar 100 peratus kerana ini janji yang kita buat.

"Bermakna duit kerajaan tidak akan diguna untuk projek lain seperti pembangunan luar bandar dan sebagainya," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Aidilfitri di Sri Perdana di sini, hari ini.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Lebih 30,000 rakyat mengunjungi pemimpin negara itu.

Minggu lalu, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kerajaan menanggung kenaikan kadar tol bagi empat lebuhraya, yang sepatutnya bermula 1 Januari lalu, sehingga selepas perayaan Tahun Baru Cina bulan depan.

Katanya, Kabinet sudah bersetuju dengan kadar kenaikan yang dicadangkan tetapi pelaksanaannya hanya akan dilakukan selepas Tahun Baru Cina ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sama ada kadar baru nanti berkuatkuasa sejurus selepas Tahun Baru Cina atau beberapa bulan selepas itu.

Samy Vellu semalam dilaporkan berkata, kerajaan membayar pampasan sebanyak RM200 juta kepada pengusaha lebuhraya tahun lalu kerana permintaan mereka untuk menaikkan kadar tol ditolak.

Kenaikan kadar tol itu akan meliputi Lebuhraya Utara Selatan, Ekspres Lingkaran Tengah (Elite), Shah Alam-Klang Expressway dan Kulim-Butterworth.

Sementara itu, Samy Vellu yang ditemui di rumah terbuka Perdana Menteri menjelaskan kenaikan kadar tol di lebuhraya adalah keputusan Kabinet, bukan keputusannya sendiri.

Sambil mengakui itu satu keputusan tidak popular, Samy berkata, ia tidak

dapat dielakkan.

Menurutnya, memang ada dalam perjanjian konsesi lebuhraya bahawa kadar tol perlu dikaji setiap tahun.

Bagaimanapun menurutnya, Jabatan Perbendaharaan dan pemegang konsesi lebuhraya berkenaan, Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus) sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan tempoh konsesi itu bagi mengelak kenaikan tol.

(END)